



MAHATHIR DIBERI SAMBUTAN MERIAH

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah diberi sambutan meriah setibanya di perkarangan sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur semalam untuk merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar.

Ketibaan beliau dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah disambut oleh Ketua UMNO Bahagian itu, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani serta pialuan kompong.

Dato Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Siti Dr. Siti Hasmah dengan diiringi oleh Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani kelihatan sedang berjalan menuju ke dewan persidangan di hotel tersebut.

Dr. M: Cara lahir tenaga kerja

PETALING JAYA, Ahad. — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan pentingnya diadakan satu program menyeluruh bagi melahirkan tenaga kerja yang betul-betul terlatih dan terpelajar.

Kata beliau alam sekitar industri yang semakin kompleks, perubahan teknologi yang semakin pesat dan persaingan yang teras hebat memerlukan tenaga kerja seperti itu.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berucap di upacara penyampaian sijil-sijil kepada peserta-peserta beberapa kursus yang dijalankan tahun lalu oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara di sini petang semalam.

Katanya, program seumpama itu, yang mesti meliputi pelajaran dan latihan, harus diadakan supaya pekerja-pekerja industri dapat dilengkapkan dengan semua kebolehan menjalankan tugas secara efektif dan bagi memberi mereka peluang meningkatkan keupayaan.

Beliau menggesa para majikan supaya memberi perhatian yang lebih berat kepada dasar penggunaan tenaga manusia dan cara mempraktikannya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, mereka perlu berbuat demikian memandangkan perubahan ekonomi, teknologi dan sosial.

Beliau mengingatkan bahawa satu dari sumber yang terpenting dan mungkin yang terpenting sekali bagi kejayaan sesebuah organisasi ialah pekerja atau kaki-

tangannya.

Katanya, kecekapan, pengalaman dan laai setia mereka menentukan sama ada objektif sesuatu perusahaan itu dapat ditentukan dan dicapai.

Beliau berkata, ada perhubungan rapat antara taraf daya pengeluaran dan sikap pengeluaran dan ini boleh dilihat dari sejarah ekonomi beberapa buah negara.

Ada terdapat negara-negara yang kaya dengan sumber alam dan mempunyai bilangan penduduk yang cukup telah gagal mencapai kedudukan ekonomi yang kukuh kerana penduduknya tidak mengumpukan tenaga kepada kerja.

Di sebaliknya, terdapat negara-negara yang tidak mempunyai apa-apa sumber alam telah menjadi gergasi di bidang ekonomi.